

KESANTUNAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN
KELUARGA MELAYU

Oleh:

MOHAMMAD BIN IDRIS

No. Fihrasat BMC 9546

DISERTASI INI
DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN
(MMLS)

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA 1999
Perpustakaan Universiti Malaya



A510145176

DEDIKASI

Kutitipkan kalimat
sayang tak berpenghujung
tanpa sempadan
buat ayah yang telah tiada
dan ibu yang kini dimamah usia
jasa dan pengorbananmu
terlalu agung buatku..

Kasih berpanjangan
buat isteriku, Hasanah
yang mulia dan setia
jua anak-anak semua
kalian adalah pemangkin kejayaan
pencetus obor kecemerlangan

Buat semua rakan taulan
bimbingan dan dorongan tercurah
bersemadi kukuh di lubuk kenangan
bersemayam kaku di lubuk hati
abadi selamanya

InsyaAllah kejayaan kini
dicurah berbakti
demi agama, bangsa dan ibu pertiwi.

SINOPSIS

Disertasi ini ditulis berdasarkan kajian yang dijalankan secara kerja lapangan dan kepustakaan yang berkaitan dengan aspek kesantunan dalam perbualan di kalangan keluarga Melayu. Selain itu penulis juga melakukan pemerhatian dan pengamatan terhadap perbualan di kalangan keluarga Melayu.

Sesungguhnya kajian ini dapat melihat kembali betapa masyarakat Melayu yang sememangnya kaya dengan adat sopan, terutama dalam tutur kata mereka sehari-hari. Daripada kajian inilah kita mendapat suatu gambaran bahawa terserlahnya unsur kesantunan dalam ujaran atau perbualan dan elemen ini masih diamalkan. Semoga kajian ini menjadi pedoman dan panduan kepada generasi muda agar sentiasa bersopan ketika berkomunikasi atau semasa mengemukakan pendapat atau buah fikiran.

Bab 1, kajian ini berkisar kepada pengenalan tentang peranan bahasa, kaitannya dengan bidang pragmatik, latarbelakang kajian, kerangka teoritis, kepentingan, kaedah, dan juga batasan kajian.

Bab 2 pula, membincangkan kajian yang berkaitan yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan juga orang barat. Terutama pengkaji terkenal seperti Grice, Leech, Levinson dan Fraser. Huraian juga dibuat dengan agak panjang tentang maksim-maksim yang termasuk dalam Prinsip Kesopanan yang dikemukakan oleh Leech.

Bab 3 merupakan bahagian yang membincangkan metodologi kajian. Ia meliputi aspek pengumpulan data melalui pemerhatian, pengamatan dan kajian kepustakaan terhadap perbualan atau ujaran di kalangan penutur dalam keluarga Melayu.

Bab 4 merupakan bahagian penganalisisan data yang diperolehi iaitu mengadaptasikan maksim kesopanan yang dikemukakan oleh Leech dengan data perbualan yang dikumpul. Dari sinilah penulis cuba paparkan aspek kesantunan yang

terdapat dalam perbualan keluarga Melayu. Pengkaji akan menyelidik dan menghuraikan sama ada dalam perbualan itu mempunyai unsur dan ciri-ciri kesopanan ataupun tidak berasaskan konsep Prinsip Kesopanan yang dikemukakan oleh Leech.

Bab 5 pula merupakan bahagian rumusan dan saranan kepada pengkaji selepas dari ini. Dalam bab ini juga penulis mengemukakan pandangan-pandangan mengenai kesantunan berbahasa di dalam perbualan keluarga Melayu. Penulis berharap agar aspek kesantunan terus menjadi amalan dan penghayatan di kalangan penutur-penutur Melayu khususnya dan dunia berbahasa Melayu secara amnya. Malah penulis juga benar-benar berharap pengkaji selepas ini membuat kajian yang lebih mendalam dan terperinci berkaitan dengan bidang ini dan menganggap kajian ini sebagai mukadimah kepada kajian yang lebih kemas, tersusun dan berkesan di masa-masa yang mendatang.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana taufiq dan inayahNya, akhirnya dapat jua saya menyiapkan disertasi ini. Biarpun pada peringkat pertengahan jalan tugas ini, saya menempuh pelbagai rintangan dan dugaan yang seakan-akan meragut dan menyentap keyakinan diri namun segalanya dapat diatasi jua akhirnya.

Melalui kesempatan ini penulis merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Dato' Prof. Dr. Asmah Haji Omar, barisan pensyarah, individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan kerjasama, dorongan dan bimbingan sehingga tugas berat ini dapat diselesaikan.

Teristimewa ucapan sekalung budi dan kalimah terima kasih yang berpanjangan dituju khas buat penyelia budiman, **Encik Said Halim bin Said Nong** yang telah begitu banyak mencerahkan segala tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan tanpa jemu di sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan yang dicurah mendapat pembalasan di sisiNya. InsyaAllah.

MOHAMMAD BIN IDRIS
SMK Putra, 22000 Jerteh,
Terengganu Darul Iman
November 1999

JADUAL KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Sinopsis	i
Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Abstrak	vii

Bab 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Kerangka Teoritis	9
1.2 Pernyataan Masalah	18
1.3 Objektif Kajian	22
1.4 Kepentingan Kajian	23
1.5 Kaedah Kajian	27
1.6 Batasan Kajian	28

BAB 2: SOROTAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pengenalan	32
2.1 Konsep Kesantunan dari Kaca Mata orang Melayu	34
2.2 Konsep Kesantunan Mengikut Geoffrey Leech	42
2.2.1 Maksim Kesopanan Leech	44
2.2.1.1 Maksim Santun	48
2.2.1.2 Maksim Kedermawanan (generosity)	50
2.2.1.3 Maksim Sokongan (approbation)	51
2.2.1.4 Maksim Kerendahan Hati (modesty)	52
2.2.1.5 Maksim Persetujuan (agreement)	53
2.2.1.6 Maksim Simpati (sympathy)	55
2.3 Rumusan	56

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	58
3.1	Data dan Pemerhatian	59
3.1.1	Latar belakang Tempat Kajian	60
3.2	Prosedur Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data	61
3.3	Penganalisisan Data	63

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pemerihalan Data	64
4.1	Aspek Kesantunan Berbahasa Dalam Keluarga Melayu	65
4.1.1	Nilai Budi Bahasa Dalam Masyarakat Melayu	68
4.1.2	Kesantunan Berbahasa Merujuk Kepada Tanda Hormat	71
4.1.3	Kesantunan Berbahasa Merujuk Kepada Merendahkan Diri	76
4.1.4	Kesantunan Berbahasa Merujuk Kepada Sistem Panggilan	79
4.1.5	Kesantunan Berbahasa Untuk Sindiran dan Mendidik	83
4.2	Pengkelasan Data	87
4.2.1	Kesantunan Berbahasa Dalam Perbualan Antara Suami dan Isteri	87
4.2.2	Kesantunan Berbahasa Dalam Perbualan Antara Ayah-Emak-Anak	100
4.2.3	Kesantunan Berbahasa Dalam Perbualan Antara Adik-Abang-Kakak	119
4.2.4	Kesantunan Berbahasa Dalam Perbualan Dengan Anggota Keluarga lain	131
4.2.5	Perbualan Yang Tiada Unsur Kesantunan Berbahasa	141
4.3	Kesimpulan	145

BAB 5: RUMUSAN DAN SARANAN

5.0	Rumusan	148
5.1	Cadangan	151

BIBLIOGRAFI155

ABSTRAK**TAJUK:****KESANTUNAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN KELUARGA MELAYU**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti unsur kesantunan berbahasa yang terdapat dalam perbualan khususnya kepada keluarga Melayu. Kita akan dapat melihat unsur-unsur kehalusan bahasa, nilai budi pekerti yang mulia, berhemah tinggi dan kesantunan menerusi ungkapan dan kata-kata yang diujarkan dalam perbualan. Umpamanya melalui sistem panggilan, hubungan intim, mesra, hormat dan sebagainya.

Bertitiktolak dari situlah kita akan dapat melihat kembali betapa masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan adat sopan terutama dalam perbualan atau tutur kata mereka sehari-hari. Malah unsur kehalusan tutur kata telah sebatи dan menjadi identiti kepada setiap individu berbangsa Melayu. Ertinya penutur yang tidak memenuhi ciri kesantunan dalam pertuturan, mereka tergolong dalam kategori manusia yang tidak beradab.

Kajian ini juga mengemukakan cadangan agar unsur kesantunan ini terus dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Melayu amnya malah masyarakat Malaysia seluruhnya. Biar apapun cabaran dan pengaruh yang melanda dan menular, identiti bangsa Melayu yang sememangnya terkenal dengan ketinggian budi pekerti, kehalusan budi bahasa dan segala nilai kesantunan ini perlu tetap terpelihara dan dipertahankan sampai bila-bila.

ABSTRACT**TITLE:****COURTEOUSNESS IN CONVERSATION AMONG MEMBERS OF MALAY FAMILIES**

The Spoken language used in Malay families is well noted for its gracefulness. This study therefore attempts to analyse the 'elegant' elements found in the language.

It was revealed from the study that Malay Community are blessed with a language that contain words which are refined, full of courtesy and rich in values ie: the address systems for the elders, kins and spouse, asymetrical use of titles and in intimate relationship.

Hence the daily conversation of the Malays has become an 'identity trademark' for every Malay individual. Thus a speaker will be labelled as being imprudent or impolite if he or she does not abide by the 'rules'.

The study too, suggests that courtesy in daily conversation should be practised among Malay Community throughout Malaysia. Regardless of the influences or challenges to be faced, the 'Malay identity' which is well-established should be preserved and maintained.